

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG]

SOALAN NO. 93

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah syarat-syarat yang diperlukan oleh seseorang doktor swasta untuk memperbaharui Sijil Amalan Tahunan (Annual Practicing Certificate) mereka.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Majlis Perubatan Malaysia adalah sebuah badan regulatori yang ditubuhkan di bawah Akta Perubatan 1971 dan telah menjadi sebuah badan berkanun persekutuan mulai 1 Julai 2017. Seseorang pengamal perubatan yang ingin mengamal di Malaysia harus memohon untuk berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia selaras dengan Akta Perubatan 1971. Pengamal perubatan berdaftar penuh yang hendak menjalankan amalan sebagai seorang pengamal perubatan harus memohon kepada Pendaftar Majlis Perubatan Malaysia untuk memperolehi Sijil Perakuan Amalan Tahunan atau Annual Practising Certificate (APC).

Akta Perubatan (Pindaan) 2012 dan Peraturan Perubatan 2017 telah berkuatkuasa mulai 1 Julai 2017. Majlis Perubatan Malaysia pada mesyuarat ke 384 yang telah bersidang pada 19 Februari 2019 telah memutuskan bahawa selaras dengan Peraturan 28, Peraturan Perubatan 2017, semua pengamal yang memperbaharui Sijil Perakuan Amalan Tahunan 2020 wajib memperolehi 20 mata pembangunan profesional berterusan (*Continuous Professional Development / CPD*) dan digalakkan untuk memperolehi Perlindungan Tanggung Rugi Profesional (*Professional Medical Indemnity*) manakala semua pengamal yang

NO SOALAN : 93

memperbaharui Sijil Amalan Tahunan 2021 wajib mempunyai 20 mata (*Continuous Professional Development Points / CPD Points*) dan Perlindungan Tanggung Rugi Profesional (*Professional Medical Indemnity*).

Sekian, terima kasih.